

Haramkan penggunaan bubu naga

UM 20/7/2023

M.S. 25

BUKIT GANTANG: Kerajaan perlu memandang serius penggunaan bubu naga di perairan awam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kerana menjejaskan hasil tangkapan nelayan.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, walaupun pelbagai agensi penguatkuasaan berkaitan sering melakukan operasi merampas bubu naga, namun ia tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut.

Menurutnya, masalah itu akan terus berlaku selagi masyarakat tidak mempunyai kesedaran secara total tentang impak yang bakal berlaku daripada penggunaan bubu naga.

“Jabatan Perikanan Malaysia merancang untuk mengarahkan kepada pengharaman penggunaan bubu naga di laut umum.

“Kaedah tangkapan ini merugikan negara dan menjejaskan hasil tangkapan nelayan pada masa depan,” katanya.

Beliau ditemui pemberita pada perasmian Program Pemuliharaan Paya Bakau Sebagai Habitat Pembiakan Ikan di Hutan Simpan Trong Selatan dekat sini semalam.

Majlis dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd. Zolkafly Harun.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Perhutanan Perak, Siti Dessyma Isnani.

Menurut Wan Muhammad Aznan, bubu naga hanya sesuai untuk digunakan bagi sektor akuakultur dan bukan di laut umum.

Beliau berkata, Akta Perikanan 1985 iaitu akta umum boleh diguna pakai oleh agensi penguatkuasa seperti Jabatan Perikanan, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Polis Marin.